

HAK KEISTIMEWAAN ISLAM DAN UMATNYA

11 FEBRUARI 2022 | 9 REJAB 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْكَمَدُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُوا اللَّهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Islam merupakan satu-satunya agama yang diiktiraf oleh Allah Subhanahu wa Taala. Agama-agama lain sama ada agama

samawi yang telah diseleweng atau agama-agama ciptaan manusia adalah ditolak. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah ali-Imran ayat 85:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَن يَتَّبِعُ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
٨٥ الْخَسِيرِينَ

Yang bermaksud: “Sesiapa mencari agama selain Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima daripadanya, dan dia di akhirat nanti termasuk dalam kalangan orang yang rugi.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Di negara kita, Islam merupakan agama persekutuan. Ia mempunyai kedudukan yang istimewa dalam perlembagaan dan termaktub dalam Peruntukan Perkara 3 dan Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan dan Negeri boleh membelanjakan wang kerajaan untuk menjaga institusi berkaitan agama Islam dan sepatutnya tidak diberikan kepada agama lain. Begitu juga semasa darurat, tiada undang-undang boleh dibuat sehingga mengganggu gugat kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Manakala, Raja-Raja Melayu merupakan ketua agama Islam dalam sesebuah negeri di bawah sistem Raja Berperlembagaan. Dalam

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, Yang Dipertuan Agong diberi tanggungjawab untuk menjaga hak istimewa orang Melayu.

Malangnya, terdapat juga suara-suara sumbang dalam kalangan rakyat Malaysia dan pertubuhan tertentu yang mempertikaikan segala hak keistimewaan agama Islam dan juga raja-raja Melayu. Lebih malang lagi, sebahagian daripada mereka yang lantang mempertikaikannya adalah daripada kalangan orang Melayu Islam sendiri. Ada yang mencadangkan hak keistimewaan agama Islam dan kaum bumiputera ini dimansuhkan sahaja dan ada juga yang mahu agar agama lain diberi keistimewaan yang serupa.

Sebagai orang Islam, kita sepatutnya menjaga dan mempertahankan hak-hak keistimewaan ini. Jika tidak dipertahankan, apa lagi yang ada pada kita? Jika Islam dan umat Islam tidak diberi hak keistimewaan sebegini, lambat laun Islam akan terhakis pada generasi akan datang. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Muhammad ayat 7:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنْصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرُكُمْ وَلَيُبْلِغَنَّ أَقْدَامَكُمْ

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu.”

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT akan menjaga kita apabila kita menjaga agama Allah SWT. Maka janganlah kita bimbang mempertahankan hak kita dan agama Islam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Yakinlah, Islam yang kita anuti ini adalah agama yang syumul, lengkap, istimewa, seimbang dan agama yang teragung. Kita sepatutnya sedar serta bersyukur kerana kita berada di sebuah negara yang meletakkan Islam di tempat yang tinggi dalam perlumbagaan dan pemimpin tertinggi negara mestilah dilantik dalam kalangan orang Islam dinaungi oleh raja-raja Melayu yang beragama Islam. Inilah kekuatan kita bagi menjamin umat dan agama Islam terus terpelihara di tanahair kita. Jagalah supaya agama kita tidak diperlekeh atau direndah-rendahkan. Marilah kita bersama-sama mempertahankan kepimpinan di negara kita ini dipimpin oleh orang Islam bukan di bawah kepimpinan atau telunjuk orang kafir.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَسَّ أَمْوَالًا نَّسْخَدُوا أَلْكَفِيرِينَ أَوْ لِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ

أَتَرِيدُونَ أَنْ تَجْعَلُوا اللّٰهَ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا مُّبِينًا ﴿١٤٤﴾

Yang bermaksud: “ Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman. Adakah kamu hendak mengadakan alasan yang terang nyata bagi Allah untuk (menyeksa) kamu? ”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.